



SURAT PEKELILING NO. 3/2019
KEMENTERIAN KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN SARAWAK

| | | | |
|---------------------|-----------------------|----------------|---------------------------|
| Daripada | Setiausaha Tetap | Kepada | Sila lihat Senarai Agihan |
| Perkara | Sila lihat di bawah | Salinan | Sila Lihat di bawah |
| Rujukan kami | MLG/ADM/52 Jld. 20(3) | Tarikh | 19 Ogos 2019 |

**ELAUN KAUNSELOR, ELAUN DAN KELAYAKAN DATUK BANDAR,
TIMBALAN DATUK BANDAR, Pengerusi MAJLIS PERBANDARAN,
TIMBALAN Pengerusi MAJLIS PERBANDARAN DAN Pengerusi
MAJLIS DAERAH**

1. Tujuan dan Pemakaian

- 1.1 Pekeliling ini adalah bertujuan untuk melaksanakan keputusan Kerajaan Negeri mengenai elaun tetap khas bulanan bagi semua kaunselor dan menaiktaraf kelayakan untuk Datuk Bandar, Timbalan-timbalan Datuk Bandar, Pengerusi-pengerusi Perbandaran dan Timbalan-timbalan Pengerusi Perbandaran.
- 1.2 Pekeliling ini hanya berkuatkuasa ke atas Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) seperti disenaraikan dalam **Lampiran A**.

2. Latarbelakang

- 2.1 Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri pada 11 Julai, 2019 telah memutuskan untuk memberikan Elaun Tetap Khas Bulanan kepada semua kaunselor dan menambahbaik elaun dan kelayakan Datuk Bandar Miri, Timbalan-timbalan Datuk Bandar, Pengerusi-pengerusi Perbandaran dan Timbalan-timbalan Pengerusi Perbandaran.

2.2 Keputusan ini telah dibuat setelah mengambilkira peningkatan kos sara hidup, peningkatan dalam ekspektasi rakyat terhadap perkhidmatan yang diberikan oleh majlis dan juga pertambahan tanggungjawab Datuk Bandar, Timbalan Datuk Bandar, pengerusi, timbalan pengerusi dan kaunselor dalam aktiviti-aktiviti turun padang.

3. **Tanggungjawab dan tindakan Pihak Berkuasa Tempatan**

Semua PBT hendaklah memastikan perkara-perkara berikut:

- (a) pembayaran elaun-elaun adalah berdasarkan kepada kadar dan had kelayakan yang ditetapkan seperti di dalam jadual di **Lampiran B**;
- (b) pembayaran perbelanjaan kaunselor berdasarkan kepada koding yang telah ditetapkan; dan
- (c) tuntutan dan pembayaran hendaklah diproses dan dibayar dalam tempoh yang telah ditetapkan.

4. **Tarikh kuatkuasa**

Tarikh kuatkuasa pekeliling ini adalah pada **1 Julai, 2019**.

5. **Pembatalan**

Surat Pekeliling No.3/2013 bertarikh 10 Mei, 2013 adalah terbatal.

"BERSATU BERUSAHA BERBAKTI"
"AN HONOUR TO SERVE"



BAKRIE ZAINI
Setiausaha Tetap
Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan
Sarawak

**PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT) SARAWAK YANG MENGGUNAPAKAI
SURAT PEKILILING NO. 3/2019**

- (1) Majlis Bandaraya Kuching Selatan
- (2) Majlis Bandaraya Miri
- (3) Majlis Perbandaran Sibu
- (4) Majlis Perbandaran Padawan
- (5) Majlis Perbandaran Kota Samarahan
- (6) Majlis Daerah Bau
- (7) Majlis Daerah Lundu
- (8) Majlis Daerah Serian
- (9) Majlis Daerah Simunjan
- (10) Majlis Daerah Sri Aman
- (11) Majlis Daerah Lubok Antu
- (12) Majlis Daerah Betong
- (13) Majlis Daerah Saratok
- (14) Majlis Daerah Luar Bandar Sibu
- (15) Majlis Daerah Kanowit
- (16) Majlis Daerah Sarikei
- (17) Majlis Daerah Maradong & Julau
- (18) Majlis Daerah Mato & Daro
- (19) Majlis Daerah Dalat & Mukah
- (20) Majlis Daerah Kapit
- (21) Majlis Daerah Marudi
- (22) Majlis Daerah Subis
- (23) Majlis Daerah Limbang
- (24) Majlis Daerah Lawas